

KEGIATAN DIJALAN OLEH GOLONG —

PELAMPAU BERLAGAK ALIM

PELABUHAN
KELANG,
Khamis

MENTERI Pelajar Dr. Mahathir Mohamed hari ini mendedahkan rahsia pihak-pihak tertentu yang cuba meracun fikiran penuntut sekolah dengan ajaran salah.

Menurut Dr. Mahathir, kegiatan ini dijalankan oleh golongan pelampau atau anasir-anasir yang berlagak sebagai orang alim dengan menggunakan nama Islam.

"Kegiatan golongan ini sebenarnya ialah untuk kepentingan mereka sendiri," kata Dr. Mahathir ketika merasmikan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Pulau Lumut, dekat sini.

Katanya, golongan ini menjalankan jarumnya untuk mengelirukan dan meracuni fikiran penuntut-penuntut dengan ajaran-ajaran yang dikatakan Islam, tetapi bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Kata Dr. Mahathir: "Kegiatan mereka ini bukanlah dakwah Islam kerana, dakwah Islam mengikut apa yang kita percayai bertujuan menyatupadukan masyarakat Islam dan menguatkan perpaduannya.

Mencaci

"Sebaliknya, dakwah mereka itu ialah dakwah yang menggunakan nama Islam untuk mencaci Kerajaan dan memburukkan pemimpin-pemimpin dengan tujuan menimbulkan kebencian terhadap Kerajaan."

Menurutnya lagi, golongan ini memandang kehidupan dunia ini dengan pandangan yang sempit dan mengeluarkan fatwa-fatwa dan pendapat-pendapat yang terlalu sempit sehingga tidak ada kemungkinan boleh diamalkan.

Kata Dr. Mahathir: "Mereka mahu kehendak mereka diamalkan juga dengan cara paksa walaupun akan menyebabkan orang-orang Islam tinggal mundur dan terbelakang di negerinya sendiri.

"Perbuatan mereka sekiranya tidak dibetulkan akan meninggalkan kesan yang amat buruk kepada kehidupan orang-

Mahathir dedah rahsia perosak penuntut



DR. MAHATHIR

orang Islam dan kepentingan masyarakat Islam sendiri."

Dr. Mahathir berkata, beliau sudahpun mengarahkan pengarah-pengarah pelajaran negeri serta meminta kerjasama guru-guru besar dan pemimpin-pemimpin tempatan supaya menyekat kegiatan itu, kalau tidak ajaran ini akan mengganggu fikiran murid-murid yang masih muda.

"Kalau keadaan ini dibiarkan, saya bimbang tujuan negara untuk mencapai perpaduan dan kemajuan pelajaran dan ekonomi orang Islam

khasnya Bumiputra supaya seimbang dengan keturunan yang lain tidak tercapai," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, langkah ini bukan hendak melemahkan pendidikan Islam di sekolah-sekolah Kerajaan tetapi sekadarkan memelihara tunas-tunas muda.

Ceramah

Oleh kerana itu, Dr. Mahathir berkata beliau telah membenarkan pihak sekolah mengadakan syarahan dan ceramah agama atau sebarang kegiatan agama di sekolah-sekolah.

Syaratnya ialah kegiatan ini dijalankan oleh mereka yang bertauliah dari pejabat agama Islam atau jabatan pelajaran negeri, kata beliau.

Dr. Mahathir juga menyatakan didikan agama Islam di sekolah-sekolah hendaklah disusun begitu rupa supaya murid-murid diberi faham yang ajaran Islam adalah sesuai dengan penghidupan manusia di segenap tempat dan masa.

Murid-murid hendaklah diajar yang ajaran Islam boleh menjamin penghidupan sempurna di dunia dan akhirat, kata beliau lagi.